

Bil. S 71

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2010

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pemasukan bab 11F baru ke dalam Penggal 35.
 3. Pindaan bab 35.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) (Bil. 2), 2010 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 1hb. Januari, 2010.

Pemasukan bab 11F baru ke dalam Penggal 35.

2. Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 11E —

"Potongan tambahan bagi caruman di bawah S 38/10.

11F. Jika Pemungut berpuashati bahawa seseorang majikan telah membuat caruman kepada Tabung Amanah Pencen Caruman Tambahan di bawah bab 8 dari Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 [S 38/10] berkaitan dengan mana-mana pekerja, maka hendaklah dibenarkan kepada majikan itu suatu potongan tambahan bagi amaun caruman itu sebagai tambahan kepada potongan yang dibenarkan di bawah bab 11 dari Akta ini."

Pindaan bab 35.

3. Bab 35 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam ceraiian (1) —

- (i) dengan memotong "dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya" dari 2 baris pertama dalam perenggan (c);
- (ii) dengan memotong koma pada penghujung perenggan itu dan menggantikannya dengan koma bernoktah;

(b) dengan memasukkan perenggan baru yang berikut sejurus selepas perenggan (c) —

"(d) tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya ke atas pendapatan yang boleh dicukai bagi tiap-tiap syarikat, cukai pada kadar 22%";

(c) dengan memansuhkan cerai (4) dan menggantikannya dengan cerai baru berikut —

"(4) Dengan tidak menghiraukan cerai (1) tetapi tertakluk kepada cerai (5), bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya, hendaklah dikenakan dan dibayar bagi tiap-tiap tahun taksiran ke atas pendapatan yang boleh dicukai bagi tiap-tiap syarikat, cukai pada kadar yang ditetapkan dalam cerai (1) atas setiap ringgit pendapatannya yang boleh dicukai, kecuali bahawa —

(a) bagi setiap ringgit \$100,000 pertama pendapatan yang boleh dicukai (tidak termasuk dividen Negara Brunei Darussalam), hanya 25% sahaja boleh dikenakan cukai; dan

(b) bagi setiap ringgit \$150,000 berikutnya pendapatan yang boleh dicukai (tidak termasuk dividen Negara Brunei Darussalam), hanya 50% sahaja boleh dikenakan cukai.";

(d) dalam cerai (5), dengan menambah —

"Selepas itu, bagi setiap ringgit \$150,000 berikutnya pendapatan yang boleh dicukai (tidak termasuk dividen Negara Brunei Darussalam), hanya 50% sahaja boleh dikenakan cukai.";

(e) dengan memansuhkan cerai (6A) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

"(6A) Kadar cukai di bawah cerai (1)(d) tidak boleh dikenakan kepada mana-mana bahagian pendapatan yang boleh dicukai bagi mana-mana syarikat yang dikaitkan dengan pendapatan yang diperolehi oleh syarikat itu pada atau sebelum 1 haribulan Januari, 2010 dan kadar cukai di bawah cerai-cerai (1)(a), (b) atau (c), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan kepada bahagian pendapatan yang boleh dicukai bagi syarikat itu.".

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 5 haribulan Julai, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM